

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Julai
1 1/4 jam

PPC 2026 - MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 1
Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
- 2. *Jawab **semua** soalan*
- 3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan ,iaitu **A, B, C dan D.** Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
- 4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
- 5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi **19** halaman bercetak

1 Pernyataan berikut berkaitan dengan subbidang perakaunan.

Sebuah kilang biskut merancang jumlah pengeluaran, mengawal penggunaan bahan mentah dan mengurus pekerja supaya pengeluaran berjalan lancar serta menepati tempahan pelanggan.

Apakah subbidang tersebut?

- A Perakaunan kewangan
- B Pengauditan
- C Percukaian
- D Perakaunan Pengurusan

2 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Zaza Frozen Enterprise.

Pemilik telah merekodkan nilai Aset Bukan Semasa pada harga kos dalam penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026.

Apakah andaian perakaunan yang digunakan?

- A Wang sebagai ukuran
- B Tempoh perakaunan
- C Usaha berterusan
- D Entiti berasingan

3 Butiran berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

- Insurans prabayar
- Inventori
- Akaun Belum Terima

Komponen manakah yang betul?

- A Aset semasa
- B Ekuiti pemilik
- C Liabiliti semasa
- D Aset bukan semasa

- 4 Apakah hasil operasi Kedai Komputer Jayamas.
- A Sewa diterima
 - B Faedah simpanan tetap
 - C Jualan mesin pencetak
 - D Untung jualan perabot terpakai
- 5 Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

	RM
Aset Semasa	12 000
Aset Bukan Semasa	68 000
Ambilan	1 500
Untung bersih	3 500
Modal awal	50 000

- Berapakah jumlah liabiliti?
- A RM 12 000
 - B RM 28 000
 - C RM 55 000
 - D RM 80 000
- 6 Apakah fungsi invois?
- A Digunakan untuk merekod pulangan barang
 - B Digunakan untuk merekodkan ambilan
 - C Digunakan untuk urus niaga kredit
 - D Digunakan untuk urus niaga tunai

7 Jurnal Am berikut diperoleh daripada Ahmad Enterprise.

JURNAL AM

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2026		RM	RM
Jan 1	Tunai	500	
	Bank	25 500	
	Modal		26 000
	(Merekod aset dan modal pada tarikh tersebut)		

- Apakah jenis urus niaga tersebut?
- A Catatan pembukaan
 - B Catatan penutupan
 - C Catatan pelarasan
 - D Catatan modal tambahan
- 8 Urus niaga berikut diambil daripada Perniagaan Elektrik Marina.

Propower Electric menghantar nota debit kepada Perniagaan Elektrik Marina.

- Manakah urus niaga ini direkodkan?
- A Jurnal Jualan
 - B Jurnal Belian
 - C Jurnal Pulangan Jualan
 - D Jurnal Pulangan Belian
- 9 Buku Catatan Pertama manakah yang menggunakan Sistem Panjar?
- A Jurnal Am
 - B Jurnal Khas
 - C Buku Tunai
 - D Buku Tunai Runcit

10 Butik Aksesori Anis membeli perabot secara kredit daripada Perabot Mega.

Manakah catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Belian	Butik Aksesori Anis
B	Belian	Perabot Mega
C	Perabot	Perabot Mega
D	Perabot	Butik Aksesori Anis

11 Maklumat yang berikut diperoleh daripada Haqim Enterprise.

2025		RM
Jan 1	Baki Lejar Belian	2 100
Dis 31	Pembayaran cek Akaun Belum Bayar	1 200
	Angkutan masuk	250
	Belian kredit	2 250

Berapakah baki Akaun Kawalan Belum Bayar pada 31 Disember 2025?

- A RM3 400
- B RM3 150
- C RM1 300
- D RM1 050

12 Data diperoleh daripada Perniagaan Lut Sinar pada 30 Jun 2026.

	RM
Modal	20 000
Overdraf bank	1 150
Pulangan masuk	105
Jualan	23 000
Akaun Belum Terima	22 422
Belian	21 623

- Berapakah angka imbangan pada 30 Jun 2026?
- A RM45 195
 - B RM44 150
 - C RM44 045
 - D RM43 105
- 13 Apakah tujuan penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Mengira untung atau rugi bersih perniagaan.
 - B Merekodkan urus niaga tunai perniagaan.
 - C Menyenaraikan hasil dan belanja perniagaan.
 - D Menunjukkan jumlah kecairan semasa perniagaan.

14 Berikut adalah maklumat berkaitan dengan tatacara menutup akaun.

- I Komponen Hasil direkodkan ke Akaun Untung Rugi
- II Komponen Belanja direkodkan ke Akaun Perdagangan
- III Komponen Kos Jualan direkodkan ke Akaun Untung Rugi
- IV Komponen Jualan Bersih direkodkan ke Akaun Perdagangan

Tatacara menutup akaun manakah yang benar?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Amsyar Sdn. Bhd.

	RM
Peruntukan hutang ragu (1 Januari 2025)	752
Peruntukan hutang ragu (31 Disember 2025)	848

Butiran yang manakah akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A Hutang ragu RM96
- B Hutang ragu RM1 600
- C Pengurangan peruntukan hutang ragu RM96
- D Penambahan peruntukan hutang ragu RM1 600

16 Maklumat berikut berkaitan Aset Bukan Semasa Syarikat Megah Ceria.

Tarikh beli	: 1 Januari 2024
Mesin (Kos)	: RM8 000
Kadar susut nilai	: 10% setahun atas kos
Tarikh jual	: 31 Disember 2025
Harga jualan	: RM4 000

Berapakah rugi atas pelupusan aset berkenaan?

- A RM2 400
- B RM3 200
- C RM4 000
- D RM6 400

17 Maklumat berikut menunjukkan pembelian mesin oleh sebuah firma sepanjang tahun 2025.

Tarikh	RM
1 Januari 2025	1 600
30 April 2025	3 900
31 Disember 2025	4 200

Polisi firma memperuntukkan susut nilai pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2025?

- A RM975
- B RM910
- C RM905
- D RM840

18 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Kedai Kasut Pantas.

Membeli rak pameran RM 3 000 secara kredit daripada Kedai Perabot Raju tetapi urus niaga ini tidak dicatat dalam mana-mana buku.

Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian	3 000	
Modal		3 000

B

Jurnal Am		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian	3 000	
Kedai Perabot Raju		3 000

C

Jurnal Am		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Perabot	3 000	
Kedai Perabot Raju		3 000

D

Jurnal Am		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Perabot	3 000	
Modal		3 000

19 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kek Ceria bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

	RM
Kenderaan	80 000
Inventori	30 000
Tunai	10 000
Akaun Belum Terima	20 000
Pinjaman	40 000
Akaun Belum Bayar	20 000

- Berapakah nisbah semasa?
- A 1:1
 - B 2:1
 - C 3:1
 - D 4 :1

20 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Encik Mikael.

	RM
Modal akhir	9 000
Ambilan	7 500
Modal awal	10 000
Modal tambahan	600

- Berapakah untung bersih perniagaan tersebut?
- A RM12 100
 - B RM7 100
 - C RM9 100
 - D RM5 900

21 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Aleesya.

Buku Tunai (petikan)	
	RM
Belian	10 600
Akaun Belum Bayar	15 500

Maklumat tambahan:

Baki Akaun Belum Bayar pada 1 Januari 2025 dan 31 Disember 2025 masing-masing ialah RM7 500 dan RM10 400.

Berapakah jumlah belian yang direkodkan dalam Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025?

- A RM29 000
- B RM23 200
- C RM18 400
- D RM12 600

22 Antara berikut butiran dalam Penyata Bank manakah yang menyebabkan baki buku tunai berbeza dengan baki Penyata Bank?

- I Cek tak laku
- II Caj perkhidmatan bank
- III Cek belum dikemukakan
- IV Deposit belum dikreditkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Penyata Bank dan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Perniagaan Ong.

Penyata Bank					
Tarikh	Butir	No.Cek	Debit	Kredit	Baki
2026			RM	RM	RM
Mei 1	Baki b/b				5 000
7	Cek	24090	5 800		800
14	Deposit			1 800	1 000
18	Dividen			3 400	4 400
20	Cek	24093	500		3 900

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)					
Tarikh			Jumlah		
Butir			RM		
2026					
Mei 8	Jualan	1 800	Mei 1	Baki b/b	800
25	Qaseh	9 670	12	Belian	500
			21	Amsyar	780
			31	Baki h/b	9 390

Berapakah baki Buku Tunai dikemas kini?

- A RM9 070
- B RM9 390
- C RM12 070
- D RM12 790

24 Apakah butiran pembayaran yang direkodkan dalam Penyata Belanjawan Tunai?

- A Susut nilai kenderaan
- B Pulangan jualan
- C Ansuran pinjaman
- D Peruntukan Hutang Ragu

25 Jannah dan Suraya merupakan rakan kongsi dalam Perniagaan Janraya. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan mereka pada 31 Disember 2025.

	RM
Gaji bulanan Jannah	2 000
Gaji belum bayar kepada Jannah	4 000

Berapakah gaji yang perlu direkod dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

A RM2 000

B RM6 000

C RM24 000

D RM28 000

26 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Maria dan Dania pada 31 Disember 2025.

	RM
Ambilan	600
Faedah atas modal Maria	1 000
Faedah atas modal Dania	2 000
Untung bersih	8 000

Perjanjian perkongsian seperti berikut:

(i) Gaji pekongsi Dania RM10 000 setahun

(ii) Kongsi untung atau rugi dibahagi sama rata

Berapakah untung atau rugi yang diterima oleh pekongsi Dania?

A Rugi RM2 200

B Rugi RM2 500

C Untung RM2 200

D Untung RM2 500

- 27 Perabot diambil alih oleh pekongsi semasa pembubaran.
Manakah catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Akaun Perabot	Akaun Realisasi
B	Akaun Realisasi	Akaun Perabot
C	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
D	Akaun Realisasi	Akaun Modal Pekongsi

- 28 Berikut merupakan maklumat yang dipetik daripada perniagaan Perkongsian BBQ pada tarikh pembubaran.

	RM
Jumlah aset (termasuk bank RM10 200)	126 840
Jumlah liabiliti	6 880
Kos pembubaran	1 600

Semasa pembubaran, semua aset telah dijual sebanyak RM103 000.

Berapakah jumlah rugi realisasi?

- A RM12 040
- B RM15 240
- C RM25 440
- D RM30 720

- 29 Maklumat berikut berkaitan modal Mekar Berhad.

<u>Modal diterbitkan</u>
1 500 000 5% syer keutamaan RM2 sesyer
1 500 000 syer biasa RM0.50 sesyer

Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah nilai modal yang diterbitkan?

- A RM3 750 000
- B RM3 000 000
- C RM900 000
- D RM750 000



30 Berikut merupakan petikan Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Dinamik Sdn. Bhd pada 30 Jun 2026.

Manakah catatan bahagian Ekuiti Pemilik yang betul?

A	Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026	
	<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
	Modal Diterbitkan	
	300 000 unit 5% syer keutamaan	300 000
	1 200 000 unit syer biasa	1 200 000
		1 500 000
B	Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026	
	<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
	300 000 unit 5% syer keutamaan	300 000
	1 200 000 unit syer biasa	1 200 000
		1 500 000
C	Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026	
	<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
	Modal Diterbitkan	
	300 000 unit 5% syer keutamaan @ RM1 sesyer	300 000
	1 200 000 unit syer biasa @ RM1 sesyer	1 200 000
		1 500 000
D	Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026	
	<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
	300 000 unit 5% syer keutamaan @ RM1 sesyer	300 000
	1 200 000 unit syer biasa @ RM1 sesyer	1 200 000
		1 500 000

- 31 Manakah ciri dividen interim?
- A Dividen yang dibayar kepada pemegang syer biasa
 - B Dividen yang dibayar kepada pemegang syer keutamaan
 - C Dividen yang dibayar kepada pemegang syer sebelum keuntungan sebenar syarikat diketahui
 - D Dividen yang dibayar kepada pemegang syer selepas keuntungan sebenar syarikat diketahui
- 32 Apakah item penerimaan Kelab Badminton Ayer Molek dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran?
- A Surat khabar dan majalah
 - B Insurans
 - C Alat Tulis
 - D Sewaan gelanggang
- 33 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Futsal Gempur FC.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Yuran belum terima	350	250
Yuran belum terperoleh	100	150
Yuran diterima		9 950
Yuran lapuk		100

Berapakah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025?

- A RM9 850
- B RM9 900
- C RM10 000
- D RM10 100

34 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Desa Bestari yang mengusahakan kafeteria bagi menambah dana kelabnya.

	RM
Belian kafeteria	43 500
Jualan kafeteria	78 500
Upah pekerja kafeteria	4 500
Inventori akhir	12 200

Berapakah untung kafeteria?

- A RM18 300
- B RM27 300
- C RM42 700
- D RM51 700

35 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Tarian Seri Mawar.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Surat khabar dan majalah prabayar	300	250
Sewa alatan belum terima	250	400

Akaun Penerimaan dan Pembayaran (petikan)

	RM		RM
Sewa alatan	1 800	Surat khabar dan majalah	800

Berapakah nilai yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

	Surat khabar dan majalah	Sewa alatan
A	RM750	RM1 650
B	RM750	RM1 950
C	RM850	RM1 650
D	RM850	RM1 950

- 36 Maklumat berikut diambil dari buku perakaunan Persatuan Ibu bapa dan Guru SMK Seri Indah.

Ubah suai dewan sekolah bagi menampung keperluan jumlah murid yang semakin bertambah.

Manakah komponen yang betul bagi pernyataan tersebut?

- A Perbelanjaan hasil
 - B Pendapatan modal
 - C Perbelanjaan modal
 - D Pendapatan hasil
- 37 Apakah kos overhead bagi Kilang Perabot Jaya?
- A Gaji jurujual
 - B Komisen
 - C Sewa kedai
 - D Utiliti kilang
- 38 Apakah tujuan Akaun Pengeluaran disediakan?
- A Menentukan kos penghasilan produk
 - B Menentukan keuntungan perniagaan
 - C Menentukan jumlah jualan perniagaan
 - D Menentukan aset dan liabiliti perniagaan
- 39 Antara berikut, apakah kesan peningkatan kos tetap dalam analisis titik pulang modal?
- I Titik pulang modal meningkat
 - II Titik pulang modal menurun
 - III Unit keluaran menurun
 - IV Unit keluaran meningkat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

40 Maklumat yang berikut diperolehi daripada Kilang Jelita Abadi.

	RM
Sewa kilang	5 000
Insurans kilang	1 200
Kos berubah seunit	150
Harga jualan seunit	250

Berapakah titik pulang modal dalam unit bagi kilang tersebut?

- A 12 unit
- B 20 unit
- C 50 unit
- D 62 unit